Penggunaan dan pengeluaran kertas serta bod kertas di Malaysia pada tahun 1999 masing-masing sebanyak 2.371 dan 1.019 juta tan metrik. Pada tahun 2000 pula, penggunaannya telah menurun sedikit kepada 2.157 juta tan metrik tetapi pengeluarannya telah melonjak kepada 1.326 juta tan metrik (Asia Paper Markets, 2001). Penurunan penggunaan kertas dan bod kertas pada tahun 2000 mungkin disebabkan kesan kegawatan ekonomi yang melanda rantau Asia. Namun, nilai tersebut dijangka akan meningkat kembali apabila kegawatan ekonomi dapat ditangani. Berdasarkan kepada perangkaan di atas, hampir separuh penggunaan kertas dan bod kertas di Malaysia masih perlu diimport. Secara tidak langsung, banyak wang telah disalurkan ke luar negara untuk memenuhi permintaan pasaran kertas dan bod kertas.

Salah satu cara yang boleh dilakukan untuk mengurangkan kebergantungan import kertas ialah membuka lebih banyak kilang kertas di dalam negara. Adalah lebih baik jika kilang berkenaan dapat menghasilkan pulpa dan menggunakan bahan mentah yang terdapat di dalam negara seperti yang telah dilakukan oleh SFI. Pembukaan kilang

pulpa dan kertas yang baru akan dapat menjana ekonomi negara melalui peluang-peluang pekerjaan di kilang tersebut dan sektor-sektor yang berkait dengannya seperti pengangkutan, penyelidikan, pembalakan dan pembangunan kawasan sekitarnya.

Kebelakangan ini terdapat kecenderungan menggunakan kayu spesis ladang sebagai sumber menghasilkan pulpa. Ini kerana kayu spesis ladang boleh dituai (ditebang) dalam jangka masa yang pendek dan pengeluarannya juga boleh dirancang mengikut keperluan. Oleh itu, bekalan kayu bagi penghasilan pulpa akan lebih terjamin.

Antara kayu spesis ladang yang berpotensi adalah *Acacia mangium*. Ia difikirkan sesuai untuk diketengahkan kerana dapat tumbuh dengan senang dan cepat membesar. Malaysia dilihat tidak mempunyai masalah untuk membuka ladang-ladang kayu *A. mangium* kerana kerajaan telah memberikan sokongan yang padu melalui Program Pampasan Ladang Hutan (*Compensatory Forest Plantation Programme*, CFPP) yang telah bermula pada tahun 1982 (Thang, 1992).

Penyelidikan yang teliti perlu dijalankan untuk mengkaji kesesuaiannya sebagai bahan mentah untuk penghasilan pulpa dan kertas di Malaysia. Kajian kesesuaiannya boleh merangkumi pelbagai bidang seperti pengurusan ladang, genetik, tumbesaran, pemulpaan dan kualiti kertas. Hasil daripada beberapa penyelidikan yang lalu pernah menyimpulkan bahawa gentian *A. mangium* berpotensi dijadikan sebagai sumber bahan mentah untuk menghasilkan kertas (Alloysius, 1989; Balodis dan Clark, 1998; Law dan Wan Rosli, 1998; Logan dan Balodis, 1982; Rushdan, 1990; Udarbe, 1987). Berdasarkan kepada perkembangan industri kertas di Malaysia yang dijangka akan terus berkembang, pembukaan sebuah lagi kilang integrasi pulpa dan kertas pada masa hadapan mungkin akan berlaku. Begitu juga dengan potensi kayu *A. mangium* untuk digunakan sebagai bahan mentah utama.

Selain daripada bahan mentah, pemilihan proses pemulpaan yang sesuai perlu diambil kira. Proses pemulpaan kimia yang paling popular digunakan di seluruh dunia sehingga kini ialah pemulpaan kraft. Pemulpaan kraft menjadi pilihan dalam industri pemulpaan kerana ia dapat menghasilkan pulpa yang bergentian kuat. Selain daripada itu, ia juga sesuai digunakan untuk semua jenis kayu dan lebihan bahan kimia aktifnya boleh dikitar semula. Terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi pemulpaan kraft. Antaranya ialah spesis bahan mentah, saiz serpih, komposisi bahan kimia, suhu pemulpaan dan masa pemulpaan (Smook, 1992).

Faktor penting yang boleh dikawal semasa pemulpaan kraft ialah alkali aktif (AA), sulfiditi (S), suhu pemulpaan (T) dan masa pemulpaan (t). Perubahan dalam aras faktor-faktor berkenaan akan memberi kesan terhadap sifat-sifat pulpa seperti hasil keseluruhan, hasil penskrinan dan nombor Kappa. Sifat-sifat kertas seperti indeks tensil, indeks pecahan dan indeks koyakan juga akan dipengaruhi oleh perubahan aras faktor-faktor pemulpaan di atas.

Setiap hasil penyelidikan akan menjadi lebih bermakna jika data yang diperolehi dianalisis secara statistik. Menyedari akan hakikat ini, Kaedah respon permukaan (*Response surface methodology*) atau lebih dikenali sebagai RSM telah digunakan sebagai alat (*tool*) untuk membantu penyelidikan ini. Bantuan yang dimaksudkan ini merangkumi rekabentuk eksperimen, analisis data, pemilihan model dan pengoptimuman.

1.3 Objektif Penyelidikan

Tujuan penyelidikan ini adalah untuk mengkaji kesan faktor-faktor pemulpaan kraft ke atas sifat-sifat pulpa dan kertas yang dihasilkan daripada spesies *Acacia mangium*. Faktor-faktor pemulpaan kraft yang dipilih ialah alkali aktif (AA), sulfiditi (S), suhu pemulpaan (T) dan masa pemulpaan (t). Kesan utama yang dikaji ke atas sifat-sifat pulpa ialah hasil keseluruhan, hasil penskrinan dan nombor Kappa. Manakala untuk sifat-sifat kertas pula, kesan utama yang dikaji ialah indeks tensil, indeks pecahan dan indeks koyakan. Tujuan penyelidikan ini boleh dicapai menerusi objektif-objektif khusus seperti berikut:

- i. Membina model sifat-sifat pulpa dan kertas berasaskan faktor-faktor pemulpaan kraft *A. mangium* menggunakan Kaedah respon permukaan (*Response surface methodology*, RSM).
- ii. Mengkaji kesan faktor-faktor pemulpaan ke atas sifat-sifat pulpa kraft *A. mangium* dan merumuskan kombinasi aras faktor pemulpaan yang sesuai untuk setiap sifat pulpa.
- iii. Mengkaji kesan faktor-faktor pemulpaan ke atas sifat-sifat kertas kraft *A. mangium* dan merumuskan kombinasi aras faktor pemulpaan yang sesuai untuk setiap sifat kertas.
- iv. Mencari kombinasi aras faktor pemulpaan yang optimum untuk mendapatkan sifat-sifat pulpa dan kertas kraft *A. mangium* yang optimum dengan bantuan RSM.
- v. Mengkaji kesan pemukulan ke atas sifat-sifat kertas kraft *A. mangium*.

2.0 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Status Industri Kertas Di Malaysia

Secara sedar atau tidak sedar, manusia tidak boleh mengelak daripada menggunakan kertas atau produk kertas di dalam menjalani kehidupan seharian. Pada peringkat awal, kertas dihasilkan untuk tujuan penulisan dan lukisan. Namun, perubahan masa dan teknologi turut memperkembangkan kegunaannya. Kini, penggunaan kertas atau produk berasaskan kertas digunakan secara meluas di dalam urusan seharian manusia. Contohnya dalam bidang percetakan, hiasan dalaman, kesihatan, pembungkusan dan produk berstruktur.

Walaupun menghadapi saingan daripada produk yang dihasilkan daripada sintesis polimer seperti plastik dan peningkatan penggunaan media elektronik, penggunaan kertas dan produk kertas dijangka terus meningkat dengan penghasilan produk baru yang khusus untuk digunakan selari dengan perkembangan teknologi semasa. Dengan peningkatan kesedaran orang ramai terhadap konsep kitar semula dan *biodegradable*, kertas dan produk kertas akan terus menjadi pilihan kerana sifatnya yang mesra alam.

Menurut Peel (1959), pada tahun 1891, satu cadangan membuka sebuah kilang pulpa telah diutarakan. Sultan Johor pada masa itu telah bersetuju menyerahkan konsesi memotong lalang dan buluh untuk tujuan tersebut. Walaupun cadangan itu tidak menjadi kenyataan, ia merupakan titik mula industri kertas di Malaysia. Susulan daripada itu, banyak bahan-bahan mentah tempatan telah di bawa ke Britain untuk kajian kesesuaiannya sebagai pulpa dan kertas. Kewujudan sebuah kilang kertas yang pertama di Malaysia telah dicatatkan pada tahun 1964 (Peh *et al.*, 1986).

Penggunaan kertas di Malaysia adalah tinggi berbanding dengan pengeluarannya. Statistik tahun 1993 menunjukkan penggunaan kertas perkapita Malaysia ialah 35.57 kg, manakala penggunaan kertas perkapita pada tahun 2000 telah meningkat ke 98 kg (Asia Paper Markets, 2001). Kajian oleh Lai (1994) mencatatkan jumlah kilang kertas yang beroperasi di seluruh Malaysia sehingga tahun 1994 ialah 19 buah sahaja. Pada tahun 2001, jumlahnya telah bertambah menjadi 21 buah (Asia Paper Markets, 2001). Senarai nama kilang-kilang tersebut dinyatakan dalam Jadual 2.1.

2.2 Kertas, Pulpa Dan Gentian

Perkataan “kertas” yang digunakan di dalam Bahasa Malaysia adalah berasal dari perkataan Arab “qirtas” (Azami, 1978). Manakala dalam Bahasa Inggeris, perkataan “paper” adalah berasal dari perkataan Latin “papyrus”. Ianya merujuk kepada kepingan papirus yang berasal dari tumbuhan *Cyperus papyrus*. Kepingan papirus ini telah digunakan semenjak tamadun Mesir sebagai media penulisan dan penyampaian maklumat kira-kira 3 000 tahun sebelum masihi (Microsoft Corporation, 1996).

Kertas didefinisikan sebagai helaian yang terhasil daripada jalinan gentian-gentian yang terikat di antara satu sama lain di atas permukaan skrin halus selepas penyingkiran air. Teknologi industri kertas terkini memasukkan juga bahan-bahan aditif lain sebagai tambahan (Smook, 1992).

Pulpa ialah bahan bergentian yang digunakan untuk menghasilkan kertas. Pulpa dihasilkan melalui proses pemulpaan daripada bahan berkayu atau tidak berkayu secara kimia, mekanik, termal atau gabungan diantaranya (Smook, 1992). Lazimnya, pulpa dihasilkan daripada tumbuhan berkayu iaitu merangkumi 94% penggunaan pulpa dara di dunia (Cathrie dan Guest, 1991).

Jadual 2.1 Senarai kilang-kilang kertas di Malaysia sehingga tahun 2001. (Lai, 1994; Asia Paper Markets, 2001).

Bil.	Syarikat	Tempat	Jenis produk kertas	Pengeluaran tahunan (tm)
1 *	Cita Peauchoon Paper Mills S/B	Sg. Petani, Kedah	Kraft, medium gelugor, cipbod, jos	22 000
2 *	Genting Sanyen Industrial Paper S/B	Banting, Selangor	Kraft, medium gelugor	250 000
3 *	Muda Paper S/B	Kajang, Selangor	Kraft, medium gelugor	99 000
4 *	Nibong Tebal Paper Mills S/B	Nibong Tebal, Pulau Pinang	Tisu	12 000
5 *	North Malaya Mills S/B	Simpang Empat, Pulau Pinang	Kraft, medium gelugor, surat khabar, cetak	46 000
6 *	Pascorp Paper Industries S/B	Bentong, Pahang	Medium gelugor	50 000
7 *	Pembuatan Kertas (Perak) S/B	Chemor, Perak	Tisu, poster, pembalut	3 000
8 *	Sabah Forest Industries S/B	Sipitang, Sabah	Kraft, cetakan, bod kotak, tulis	165 000
9 *	Kimberly Clark Products (M) S/B	Kluang, Johor	Tisu, tuala dapur, napkin	36 000
10 *	See Hua Mills S/B	Kota Semarahan, Sarawak	Surat khabar, tisu, napkin	4 000
11 *	Taiping Paper Mills S/B	Taiping, Perak	Tisu	2 400
12 *	Theen Seng Paper Mfg S/B	Rasa, Selangor	Jos, kraft, manila, pembalut, tisu	7 500
13 *	Trio Paper Mills S/B	Simpang Empat, Pulau Pinang	Tisu, jos	6 000
14 *	Union Paper Industries S/B	Sg. Ara, Pulau Pinang	Tisu, jos, pembalut, kadbod	6 400
15 *	Union Paper Industries S/B	Bentong, Pahang	Tisu, jos, pembalut, kadbod	3 600
16 *	Yeong Chaur Shing Industry S/B	Mukim Krubang, Melaka	Tisu, poster, pembalut	3 600
17 *	Johnmewah Maju S./B	Johor	Kraft, medium gelugor, cipbod, jos	14 000
18 *	Hai Ming Paper Mills S/B	Kuching, Sarawak	-	-
19 *	Malaysia Newsprint Industries	Temerloh, Pahang	Surat khabar	250 000
20 #	United Paper Board S/B	Selangor	-	-
21 #	Lo Kok Paper S/B	Melaka	-	-

* Data daripada Lai


Data tambahan daripada Asia Paper Markets

Manakala gentian ialah sel tumbuhan berselulosa yang berbentuk tirus dan panjang (Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1990). Gentian merupakan elemen yang terpenting dalam pembuatan kertas. Sifat-sifat fizikal seperti lebar, ketebalan dinding dan panjang gentian adalah kriteria asas dalam menentukan kesesuaian sesuatu gentian untuk digunakan dalam industri kertas.

2.3 Kayu

Kayu merupakan bahan bergentian yang terdapat pada batang, dahan dan akar tumbuhan berkayu. Rajah 2.1 menunjukkan ilustrasi keratan rentas batang pokok berkayu yang terdiri daripada kulit di bahagian paling luar, diikuti oleh kayu dan empulur. Kulit terbahagi kepada dua iaitu kulit dalam dan kulit luar. Kulit dalam merupakan sel-sel floem yang dihasilkan oleh kambium. Sel-sel ini berfungsi sebagai laluan makanan dan menghalang lembapan daripada keluar. Apabila sel-sel baru terbentuk, sel-sel terdahulu di dalam kulit dalam tertolak ke arah luar, berhenti berfungsi dan mati. Sel-sel mati tersebut seterusnya membentuk kulit luar. Kulit luar akan merekah dan luruh dengan meningkatnya umur pokok.

Selain daripada kulit, kambium juga bertanggungjawab membentuk bahagian kayu. Kambium menghasilkan sel-sel hidup yang dikenali sebagai xilem di bahagian kayu. Seterusnya sel-sel tersebut mula membentuk dimensi tertentu dan berfungsi sebagai pengangkut air dan mineral, stor penyimpanan makanan atau penyokong mekanikal. Apabila usia pokok bertambah, lapisan sel-sel baru terhasil berhampiran kambium dan menambahkan diameter pokok. Sel-sel lama dalam kayu gubal mula mati dan terbentuklah lapisan kayu teras. Oleh itu, kayu teras terdiri daripada sel-sel yang tidak aktif tetapi memberi kekuatan mekanikal kepada pokok. Selalunya kayu teras berwarna lebih gelap daripada kayu gubal kerana pertambahan bahan ekstraktif.



Rajah 2.1 Ilustrasi keratan rentas batang pokok berkayu.

Empulur merupakan tisu lembut parenkima yang terletak di tengah-tengah batang pokok. Jika dilihat dari pandangan keratan rentas batang pokok, empulur kayu keras terdiri daripada berbagai-bagai bentuk (bulat, segitiga, bintang dan bujur), warna dan struktur (padu, poros dan berlubang). Manakala empulur kayu lembut pula adalah seragam (Alvin De, 1964; Harlow dan Harrar, 1958).

Selalunya kayu diperhatikan dari tiga sudut permukaan yang berlainan. Permukaan-permukaan tersebut ialah rentas, jejari dan tangen. Perbezaan yang ketara dapat dilihat di antara ketiga-tiga permukaan tersebut dengan mata kasar. Melalui permukaan-permukaan tersebut juga, identiti sesuatu spesis dapat dikenal pasti berdasarkan sifat anatominya (selalunya dengan bantuan kanta atau mikroskop).

Secara amnya, kayu telah dikelaskan kepada dua jenis iaitu kayu lembut dan kayu keras. Walaupun begitu, nama-nama ini hanyalah sebagai satu pengkelasan sahaja dan bukan berkaitan dengan nilai kekerasan sebenar sesuatu kayu. Ada antara kayu lembut yang lebih keras daripada kayu keras dan sebaliknya. Terdapat antara 600 - 1 200 spesis kayu lembut dan 12 000 spesis kayu keras di dunia. Tumbesaran pokok berkayu di kawasan iklim sederhana begitu aktif pada musim bunga dan panas tetapi terbantut pada musim luruh dan sejuk. Tumbesaran di kawasan tropika pula, berlaku sepanjang tahun (Desch, 1981).

2.3.1 Kayu Lembut

Kayu lembut merupakan kayu yang berasal daripada pokok yang secara botaninya merupakan tumbuhan *gymnospermae* atau konifer yang majoritinya berbentuk kon. Selalunya ia berdaun tirus dan berdaun sepanjang tahun. Contohnya kayu pain dan sprus yang boleh diperolehi di kawasan beriklim sederhana. Manakala damar minyak dan podo pula adalah kayu lembut yang boleh didapati di kawasan

tropika seperti Malaysia. Struktur lazim anatomi kayu lembut dapat diperhatikan dalam Rajah 2.2. Gantian atau sel-sel utama dalam kayu lembut ialah trakeid dan parenkima.


2.3.2 Kayu Keras

Kayu keras pula berasal daripada pokok yang secara botaninya merupakan tumbuhan *angiospermae* yang berbentuk rendang. Selalunya berdaun lebar dan gugur pada musim luruh dan sejuk. Contoh kayu keras di kawasan yang beriklim sederhana ialah kayu poplar dan ok. Kayu meranti dan kempas pula merupakan contoh yang terdapat di Malaysia. Kayu keras mempunyai struktur anatomi yang lebih kompleks daripada kayu lembut (Rajah 2.3). Gantian atau sel-sel utama dalam kayu keras ialah fiber, salur dan parenkima.


2.4 Sel-Sel Gantian Kayu

Gantian dalam penghasilan pulpa dan kertas adalah merujuk kepada semua jenis sel-sel kayu (kayu lembut atau kayu keras) seperti trakeid, fiber, salur dan parenkima (Tsoumis, 1991). Struktur fizikal dan kimia sel-sel gantian kayu akan dibincangkan dengan lebih mendalam kemudian.


Bentuk dan susunan sel-sel gantian adalah berbeza-beza dan bergantung kepada kedudukannya di bahagian tertentu di dalam pokok. Terdapat empat jenis sel gantian utama yang kerap ditemui dalam kayu lembut dan keras iaitu trakeid, fiber, salur dan parenkima seperti yang dapat dilihat dalam Rajah 2.4. Semua sel-sel tersebut mempunyai lubang-lubang kecil yang dinamakan pit di dinding sel masing-masing. Jenis dan fungsi sel-sel berkenaan disenaraikan di dalam Jadual 2.2.



Rajah 2.2 Struktur anatomi kayu lembut (Smook, 1992).



Rajah 2.3 Struktur anatomi kayu keras (Smook, 1992).



Rajah 2.4 Struktur sel-sel gentian kayu (Tsoumis, 1991):

- (A) Trakeid - (1) Pembesaran dari kawasan yang bertanda, (2) Trakeid kayu awal (bukan mengikut skala) dan (3) Trakeid kayu akhir (bukan mengikut skala).
- (B) Fiber - (4) Fiber trakeid (diperbesarkan) dan (5) Fiber librofom (diperbesarkan).
- (C) Salur.
- (D) Parenkima.

Jadual 2.2 Fungsi sel-sel gentian kayu (Desh, 1981).

Pengkelasan kayu	Fungsi sel gentian		
	Penyokong	Pengangkut	Penyimpan (Stor)
Kayu lembut	Trakeid kayu awal	Trakeid kayu akhir Trakeid ruji	Parenkima Parenkima ruji
Kayu keras	Fiber trakeid Fiber librofom	Salur Salur trakeid	Parenkima Parenkima ruji

2.4.1 Trakeid

Lazimnya, sel trakeid hanya terdapat dalam kayu lembut sahaja. Kewujudannya dalam kayu keras hanya terdapat dalam beberapa spesis sahaja dan dikaitkan dengan elemen peralihan salur atau fiber. Kebanyakan sel trakeid berada dalam kedudukan menegak (trakeid kayu awal dan akhir) dan mewakili 90% daripada isipadu kayu lembut. Sel trakeid yang berkedudukan melintang pula dipanggil trakeid ruji. Secara lazimnya, trakeid adalah panjang, berongga dan berhujung tumpul serta tertutup (Rajah 2.4(A)). Purata panjang dan diameter trakeid adalah di antara 3 - 5 mm dan 15 - 80 μm (Panshin dan De Zeew, 1980).

Trakeid boleh berfungsi sebagai pengangkut (trakeid kayu awal dan ruji) dan penyokong (trakeid kayu akhir). Istilah trakeid kayu awal dan akhir merujuk kepada kedudukannya pada gelang tumbesaran. Trakeid kayu awal terbentuk di awal musim tumbesaran dengan bentuk antara bulat dan bersegi-segi (seakan-akan segiempat), ukuran lumen yang besar dan berdinding nipis. Apabila musim tumbesaran berubah ke akhir musim, sel yang dihasilkan berlumen kecil, berdinding tebal serta pit yang lebih

kecil dan sedikit berbanding dengan trakeid kayu awal. Trakeid ini dikenali sebagai trakeid kayu akhir dan saiznya adalah 10% lebih panjang daripada trakeid kayu awal (Spurr dan Hyvärinen, 1954; Dinwoodie, 1961).

Sejenis lagi sel trakeid ialah trakeid ruji. Jika trakeid awal dan akhir berada dalam kedudukan menegak, trakeid ruji pula berada dalam kedudukan melintang (bersudut tepat dengan trakeid kayu awal dan akhir, dan mengarah ke empulur). Trakeid ruji adalah lebih pendek dan ukuran panjangnya antara 0.1 - 0.2 mm.

2.4.2 Fiber

Sel fiber hanya terdapat di dalam kayu keras sahaja. Fungsi utamanya adalah sebagai penyokong untuk memberikan kekuatan mekanikal kepada pokok. Saiz sel fiber lebih pendek, halus dan hujungnya yang tertutup juga lebih tirus berbanding dengan sel trakeid (Rajah 2.4(B)). Purata panjang dan diameternya ialah antara 1 - 2 mm dan 0.1 - 0.5 μm (Panshin dan De Zeew, 1980). Peratusan isipadu fiber di dalam kayu keras adalah melebihi 50% (Gottwald, 1972).

Sel-sel fiber dikategorikan kepada dua jenis iaitu fiber trakeid dan librofom. Perbezaan ketara kedua-dua fiber tersebut berdasarkan kewujudan pit yang berlainan pada dindingnya. Fiber trakeid mempunyai pit sempadan, manakala fiber librofom mempunyai pit mudah. Fiber librofom juga lebih pendek, berlumen kecil dan boleh juga berfungsi sebagai pengangkut.

2.4.3 Salur

Seperti fiber, sel sel salur hanya terdapat dalam kayu keras sahaja. Fungsi utama salur ialah sebagai pengangkut. Ia berbentuk silinder dengan ukuran panjang antara

0.2 - 1.3 mm dan diameternya antara 5 - 500 μm (Panshin dan De Zeew, 1980). Hujung sel salur adalah terbuka dengan potongan lurus atau menyerong (Rajah 2.4(C)).

Di bahagian kayu teras, salur sudah tidak berfungsi sebagai pengangkut lagi. Fungsinya telah berubah sebagai stor dan dipenuhi oleh tailos (Esau, 1965). Tailos mengandungi protoplasma sel parenkima mati, resin, kanji, gam, kristal dan lain-lain. Kewujudan tailos juga boleh disebabkan oleh jangkitan virus dan kulat (Koran dan Côté, 1965).

2.4.4 Parenkima

Saiz sel-sel parenkima adalah lebih kecil berbanding dengan sel-sel yang telah dibincangkan sebelum ini atau bersamaan dengan saiz sel trakeid ruji (Rajah 2.4(D)). Purata panjangnya ialah antara 0.1 - 0.22 mm dan lebarnya pula antara 0.01 - 0.05 mm (Nyren dan Back, 1960; Panshin dan De Zeew, 1980). Fungsi utama sel parenkima adalah sebagai stor.

Sel parenkima banyak kelihatan dalam bentuk parenkima ruji. Kewujudan parenkima menegak di dalam kayu lembut boleh dikatakan tidak ada langsung atau amat sedikit. Kewujudan parenkima menegak dalam kayu keras adalah lebih jelas terutamanya berdekatan dengan salur atau "resin canal".

Bagi kayu keras, keseluruhan sel-sel melintang merupakan sel-sel parenkima ruji. Bagi kayu lembut, sel-sel melintang terdiri daripada campuran trakeid dan parenkima ruji. Kandungan parenkima ruji dalam kayu keras dan lembut masing-masing antara 5 - 30% dan 5 - 10% daripada keseluruhan isipadu kayu (Myer, 1922; Panshin dan De Zeew, 1980).

2.5 Kimia Kayu

Struktur kimia kayu boleh dibahagikan kepada empat komponen yang utama iaitu selulosa, hemiselulosa, lignin dan ekstraktif. Tiga komponen yang pertama bagi tumbuhan berkayu mempunyai berat molekul yang tinggi dan menyumbang kepada peratusan yang besar di dalam komposisi kimianya. Manakala ekstraktif hanya terdiri daripada molekul-molekul yang mempunyai berat molekul yang rendah dan peratusannya juga amat kecil. Peratusan am komposisi kimia di dalam tumbuhan berkayu disenaraikan di dalam Jadual 2.3.

Jadual 2.3 Purata peratusan komposisi kimia di dalam kayu lembut dan kayu keras (Thomas, 1977).

Komposisi kimia	Purata peratusan berat komposisi kimia, %	
	Kayu lembut	Kayu keras
Selulosa	42 ± 2	45 ± 2
Hemiselulosa	27 ± 2	30 ± 5
Lignin	28 ± 3	20 ± 4
Ekstraktif	3 ± 2	5 ± 3

2.5.1 Selulosa


Kandungan selulosa dalam kayu biasanya di antara 40 - 47 % dan ia merupakan komponen yang paling utama dalam kayu. Selulosa merupakan struktur rantai homopolimer linear yang terhasil daripada gabungan unit-unit anhidroglukosa (β -D-glukosa) yang mempunyai formula molekul $C_6H_{12}O_6$. Penyambungan dua unit

gula berlaku di antara kumpulan hidroksil (kumpulan-OH) pada karbon 1 (C1) dengan kumpulan hidroksil pada karbon 4 (C4) unit gula bersebelahan dan menyingkirkan satu molekul air. Ikatan tersebut dikenali sebagai ikatan β -(1 \rightarrow 4) glikosidik. Walaupun begitu, unit ulangan dalam rantai selulosa adalah selubiosa yang terdiri daripada gabungan 2 unit anhidroglukosa sepanjang 1.03 nm (Rajah 2.5).


Darjah pemolimeran (DP) untuk selulosa tumbuhan berada dalam julat 7 000 - 15 000. Panjang rantai selulosa yang mempunyai DP 14 000 ialah 7.2 μ m (Fengel dan Wegener, 1989). Selulosa berkebolehan membentuk struktur molekul besar yang stabil seperti gentian kerana kewujudan kumpulan-OH. Kumpulan-OH tersebut berkeupayaan membentuk ikatan hidrogen (ikatan-H) di antara rantai-rantai selulosa bersebelahan (intermolekul) dan antara unit-unit gula dalam rantai selulosa yang sama (intramolekul) seperti yang dipaparkan dalam Rajah 2.6. Ikatan-H ini amat penting dalam bidang kertas kerana kekuatan ikatan antara gentian berkait rapat dengan sifat-sifat kertas.

2.5.2 Hemiselulosa


Seperti selulosa, hemiselulosa juga merupakan karbohidrat tetapi terhasil daripada campuran unit-unit gula yang mempunyai lima dan enam gelang (Rajah 2.7). Hemiselulosa mewakili antara 25 - 40% daripada berat kayu. Rantai-rantai hemiselulosa adalah lebih pendek daripada selulosa serta bercabang dan wujud dalam bentuk amorfus. Berdasarkan kepada urutan unit-unit gula yang tertentu sepanjang rantai utamanya, hemiselulosa boleh dikelaskan kepada beberapa jenis seperti xilan, manan, glukon, galaktan dan pektin. Xilan dan manan merupakan bentuk hemiselulosa yang paling banyak dan kerap didapati di dalam kayu.



Rajah 2.5 Struktur gula β -D-Glukosa dan rantai selulosa dengan unit ulangan selubiosa (Fengel dan Wegener, 1989).



Rajah 2.6 Ikatan-H intermolekul dan intramolekul bagi dua rantai selulosa yang bersebelahan (Fengel dan Wegener, 1989).



Rajah 2.7 Struktur unit-unit gula hemiselulosa (Fengel dan Wegener, 1989).

2.5.2.1 Xilan

Rantai xilan terdiri daripada deretan unit-unit xilosa (homopolimer) dengan ikatan β -(1 \rightarrow 4)-glikosidik dengan penambahan sisi unit 4-O-metilglukuronik asid dengan ikatan α -(1 \rightarrow 2)-glikosidik pada jarak-jarak tertentu di sepanjang rantai (Timell, 1964).

Bagi kayu keras, selalunya penambahan sisi atau cabang pendek ini berlaku dengan nisbah 10:1 (Xyl:Me-GluU) dan terdapat juga kes di mana sejumlah kecil unit-unit ramnosa dan galakturonik asid yang menyulami rantai induk xilan (Samuelson dan Wictorin, 1966; Shimizu dan Samuelson, 1973). Di samping itu, ada antara kumpulan hidroksil pada C2 dan C3 unit xilosa digantikan dengan kumpulan O-acetil. Oleh itu, xilan kayu keras dinamakan O-acetil-4-O-metilglukuronoxilan. (Rajah 2.8). Molekul ini didapati mempunyai dua ke tiga cabang sisi dengan DP antara 100 - 200.

Xilan kayu lembut agak berbeza daripada kayu keras dengan penambahan sisi unit arabinofuranosa pada rantai induk xilan dan pengurangan kumpulan O-acetil. Kebanyakan kayu lembut mempunyai nisbah Xyl:Me-GluU dan Xyl:Ara masing-masing ialah 5-6:1 dan 6-10:1 (Harwood, 1972). Oleh itu, ia dinamakan arabino-4-O-metilglukuronoxilan dengan dengan dua atau tiga cabang untuk setiap molekul. Molekul xilan kayu lembut ini lebih pendek daripada kayu keras dengan DP antara 70 - 130 (Rajah 2.9).